

Lebih banyak bantuan untuk rakyat selepas SARA

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN** dan **FITRI NIZAM**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan akan mengumumkan lebih banyak penambahbaikan kepada bantuan-bantuan lain sempena program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang bermula semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penambahbaikan itu bagi mengangkat ekonomi golongan rentan dan menjunjung prinsip kesaksamaan.

Menurut beliau, penambahbaikan program SARA adalah langkah awal bagi menangani kesenjangan kekayaan serta membina masyarakat inklusif dalam kerangka Ekonomi Madani.

“Insya-Allah, kerajaan akan mengumumkan lebih banyak penambahbaikan kepada bantuan-bantuan lain bagi mengangkat ekonomi golongan rentan dan menjunjung prinsip kesaksamaan.

“Program SARA telah ditambah baik dengan peruntukan melonjak lebih lima kali ganda kepada RM700 juta, berbanding perbelanjaan RM130 juta pada tahun lalu.

“Peruntukan yang lebih besar ini membolehkan kerajaan menambah jumlah penerima SARA kepada 700,000 berbanding 210,000 pada tahun lalu,” kata beliau dalam kenyataan semalam.

Kerajaan meningkatkan kadar bantuan untuk isi rumah penerima SARA kepada RM1,200 berbanding



ANWAR Ibrahim pada Majlis Perasmian Wacana Pemikr Global 2024, turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir (kiri), dan Nalb Canselor Universiti Malaya, Prof. Datuk Seri Dr. Noor Azuan Abu Osman di Universiti Malaya, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

RM600 pada tahun 2023. Golongan bujang kekal pada kadar RM600.

Penggunaannya diperluas daripada hanya makanan asas kepada tiga kategori barangan asas tambahan iaitu barangan kebersihan diri, ubat-ubatan dan peralatan persekolahan.

Bagi penerima program SARA di Semenanjung, bantuan akan disalurkan secara bulanan iaitu RM100 sebulan untuk isi rumah dan warga emas tiada pasangan dan RM50 sebulan untuk golongan bujang.

Bagi penerima di Sabah,

Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pula, bantuan SARA akan disalurkan dua kali setahun iaitu RM600 untuk isi rumah dan warga emas tiada pasangan dan RM300 untuk golongan bujang pada 19 Februari 2024 dan 12 Ogos 2024 melalui pengkreditan ke akaun bank secara tunai.

Bagaimanapun, *Utusan Malaysia* semalam melaporkan, SARA memerlukan penilaian kritikal tentang potensi kelemahan dan kesan jangka panjang supaya rakyat tidak terlalu bergantung kepada insentif tunai.

Pakar-pakar ekonomi percaya, kebergantungan rakyat yang berlebihan terhadap SARA boleh ‘memerangkap’ penerima dalam kitaran kemiskinan, akibat kekurangan insentif untuk bekerja dan pelaburan dalam pembangunan kemahiran.

Sementara itu, Anwar berkata, Yang di-Pertuan Negeri (TYT) Sarawak akan diumumkan dalam masa terdekat ini selepas nama yang dipersembahkan oleh Perdana Menteri kepada oleh Yang di-Pertuan Agong, diperkenankan baginda.